



PERSATUAN KEBANGSAAN PEKEBUN-PEKEBUN KECIL MALAYSIA (1737(Selangor))

NATIONAL ASSOCIATION OF SMALLHOLDERS MALAYSIA (NASH)

D-1-11, Setiawangsa Business Suites, Jalan Setiawangsa 11, Taman Setiawangsa, 54200 Kuala Lumpur.

No. Tel: +603-4251 0984 / 4251 0992 Faks: +603-4266 4444 E-mel: pkpkm2014@gmail.com Laman Web: www.pkpkm.org.my

PKPKM100-3/11(Bil.3)

23 Oktober 2023

Semua Perwakilan

Persatuan Kebangsaan Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia (PKPKM)

YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan,

NOTIS MESYUARAT AGUNG DWITAHUNAN

PERSATUAN KEBANGSAAN PEKEBUN-PEKEBUN KECIL MALAYSIA (PKPKM)

PUSAT KE-24 BAGI PENGGAL 2023-2025

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan berkaitan perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Dwitahunan Persatuan Kebangsaan Pekebun-pekebun Kecil Malaysia (PKPKM) Pusat Ke-24 akan diadakan pada ketetapan seperti berikut:

Tarikh : 23 November 2023 (Khamis)

Masa : 9.00 Pagi

**Tempat : Pusat Latihan Risda (RISTEC)
Lot 3070, Bagan Pinang Batu 4,
Jalan Pantai Negeri Sembilan,
71050 Bagan Pinang, Port Dickson
Negeri Sembilan.**

Pakaian : Baju Korporat PKPKM/ Pakaian Formal

3. Sehubungan dengan itu, YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan adalah dijemput hadir bagi menjayakan mesyuarat tersebut. Agenda Mesyuarat dan Aturcara Program adalah seperti di **LAMPIRAN A dan B**. Dokumen Mesyuarat Agung Dwitahunan PKPKM Pusat ke-24 boleh dimuat turun melalui laman web <https://www.pkpkm.org.my> bermula 9 November 2023 dan akan diedarkan semasa pendaftaran kehadiran perwakilan pada 22 November 2023.

4. Segala kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"PEKEBUN KECIL MAJU, NEGARA MAJU"

SYED ABD. RAHMAN BIN SYED NOH

Setiausaha Agung

AGENDA MESYUARAT AGUNG DWITAHUNAN
PERSATUAN KEBANGSAAN PEKEBUN-PEKEBUN KECIL MALAYSIA (PKPKM)
PUSAT KE-24

- 1.0 Ucapan Pengerusi.
- 2.0 Membentang dan mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Dwitahunan PKPKM Pusat ke-23 yang telah diadakan pada 30 Disember 2021.
- 3.0 Membentang dan meluluskan Laporan Dwitahunan Mesyuarat Agung Dwitahunan PKPKM Pusat ke-23.
- 4.0 Membentang dan menerima Penyata Kewangan Beraudit bagi Tahun 2021 dan 2022.
- 5.0 Meluluskan Semakan Semula Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan bagi Tahun 2023 dan Meluluskan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan bagi Tahun 2024 dan 2025.
- 6.0 Memilih Pegawai-pegawai bagi Jawatan Presiden, Timbalan Presiden dan 3 Orang Naib Presiden.
- 7.0 Membentang dan meluluskan Tambahan/Pindaan Perlembagaan.
- 8.0 Melantik Juruaudit Bertauliah.
- 9.0 Membincangkan Usul-usul yang telah diterima daripada Negeri.
- 10.0 Ucapan Penangguhan.

ATURCARA PROGRAM

Majlis Perasmian dan Mesyuarat Agung Dwitahunan PKPKM ke-23 di Pusat Latihan RISDA (RISTEC) pada 22-23 November 2023

PROGRAM/ TARIKH /TEMPAT/ PAKAIAN	MASA	ATURCARA
Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Dwitahunan PKPKM Pusat Ke-24 22 November 2023 (Rabu) Dewan RISTEC Kemeja Batik/ Baju Kurung	3.00 Petang	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Check in</i> Bilik • Pendaftaran Kehadiran Perwakilan (Kaunter PKPKM) dan Edaran Dokumen Mesyuarat Agung • Minum petang
	6.30 p.m. – 7.20 p.m.	Makan Malam di Restoran Pusat Latihan RISTEC
	7.21 p.m. – 7.30 p.m.	Perwakilan mengambil tempat di Dewan
	7.31 p.m. – 8.15 p.m.	Sesi Penerangan Insentif & Bantuan Kerajaan untuk Pekebun Kecil bagi tahun 2024 Tuan Haji Adzmi bin Hassan, Timbalan Presiden PKPKM
	8.15 p.m. – 8.30 p.m.	Ketibaan Tetamu Jemputan
	8.30 p.m. – 8.45 p.m.	Ketibaan Exco Kanan Negeri Sembilan YB Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias Nyanyian Lagu Negaraku Bacaan Doa
	9.00 p.m. – 9.30 p.m.	Ucapan dan Perasmian Mesyuarat Agung Dwitahunan PKPKM ke-24 oleh Exco Kanan Negeri Sembilan, YB Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias.
	9.30 p.m. – 10.10 p.m.	<ul style="list-style-type: none"> • Penyampaian cenderamata kepada YB Datuk Seri.

		<ul style="list-style-type: none"> • Video Mesyuarat Agung Dwitahunan PKPKM. • Tandatangani surat Agreement antara PKPKM dan Solidaridad & DIBIZ. • Sesi Pertukaran Kontrak Perjanjian • (PKPKM-Solidaridad Network) & MoU (PKPKM-DIBIZ) • Tayangan Video Tribute Presiden. • Penyerahan Cenderamata & Memorabilia kepada Presiden. • Penyerahan Mock Check kepada Suami Allahyarhamah Puan Zawati binti Mat Disa.
	10.10 p.m – 10.30 p.m.	<ul style="list-style-type: none"> • Minum Malam • Bersurai

Mesyuarat Agung Dwitahunan PKPKM Ke-24	7.45 Pagi – 8.45 Pagi	Pendaftaran
23 November 2023 (Khamis)	9.00 Pagi – 12.30 tengah hari	Mesyuarat Agung Bermula
Dewan RISTEC Baju Korporat PKPKM/ Pakaian Formal	12.30 tengah hari	<ul style="list-style-type: none"> • Mesyuarat Selesai • <i>Check out</i> Bilik • Makan Tengah hari di Restoran Selasih

NOTA PERINGATAN:

1. Perwakilan **tidak dibenarkan menghantar wakil** sekiranya tidak dapat hadir pada hari Mesyuarat Agung.
2. Kaunter Pendaftaran kehadiran perwakilan Mesyuarat Agung Dwitahunan PKPKM akan dibuka mulai **7.45 pagi hingga 8.45 pagi**.
3. Semua perwakilan diwajibkan membawa kad pengenalan semasa membuat pendaftaran dan mengundi.
4. Perwakilan **tidak dibenarkan membawa ahli keluarga atau kenalan menginap bersama dalam bilik hotel** bagi mematuhi kapasiti bilik mengikut SOP Premis Penginapan Hotel. Segala caj yang dikenakan oleh pihak hotel adalah di bawah tanggungjawab perwakilan sendiri sekiranya melanggar SOP yang ditetapkan oleh pihak hotel.
5. **Perwakilan dinasihatkan supaya menjaga keselamatan diri dan barang masing-masing** sepanjang program PKPKM berlangsung. Pihak Sekretariat tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan atau kerosakan barang-barang.
6. Sepanjang program PKPKM, sekiranya perwakilan menghadapi masalah kesihatan perlu memaklumkan kepada pihak Sekretariat dengan kadar segera.